

**UCAPAN DASAR KETUA BAHAGIAN
YB DATUK DR. MAXIMUS J. ONGKILI
ADUN N5 TANDEK MERAGKAP AHLI PARLIMEN P168 KOTA MARUDU
SEMPENA MESYUARAT AGUNG TAHUNAN BAHAGIAN N5 TANDEK
yang ke-21, 17HB APRIL 2006**

Salam Bersatu dan salam perpaduan. Pertama sekali saya ingin memanjatkan syukur kepada Tuhan yang maha kuasa kerana mengizinkan kita untuk sekali lagi mengadakan mesyuarat agung tahunan PBS N5 Tandek kali ke-21 ini.

2. Pada tahun ini Parti Bersatu Sabah telah mencapai usia kita masih ingat bahawa asas penubuhan parti kita bukan atas kepentingan diri seorang pemimpin tetapi untuk rakyat. Apa yang lebih membanggakan lagi ialah matlamat asal parti kita iaitu untuk berjuang demi kebaikan rakyat masih tetap terpelihara dan diteruskan. Sepanjang tempoh 21 tahun kita telah mengharungi pelbagai pengalaman suka duka yang saya percaya telah membantu kita semua untuk menjadi lebih matang dan berpengalaman dalam menempuh masa depan dengan lebih bijaksana.

SEJARAH PERJUANGAN

Tuan-tuan dan puan-puan,

3. Sekiranya kita imbas kembali sejarah penubuhan parti kita sejak 21 tahun yang lalu, sesungguhnya perjalanan kita dipenuhi dengan pelajaran dan pengalaman yang amat berharga. Bagi ahli-ahli parti yang setia dalam perjuangan parti selama ini, kita tentu telah belajar banyak perkara yang boleh menjadi panduan dan pegangan untuk meneruskan perjuangan parti pada masa depan. Pada ketika itu, kita masih ingat bagaimana parti kita yang baru sahaja

ditubuhkan telah memenangi pilihanraya negeri pada tahun 1985. Namun hasrat kita untuk menubuhkan kerajaan dibawah pimpinan Presiden Parti yang kita cintai tertunda seketika apabila beliau dihalang daripada mengangkat sumpah jawatan ketua menteri.

4. Pada akhirnya apabila kita berjaya membentuk kerajaan, ia tidak bertahan lama kerana wujud pihak pelampau politik yang tidak dapat menerima keputusan rakyat pada ketika itu. Golongan tersebut terus-menerus membuat kekacauan dan mengganggu ketenteraman awam. Akhirnya pilihanraya baru bagi negeri Sabah terpaksa diadakan lagi pada tahun 1986 dan PBS menerima mandat 2/3 majoriti kerusi-kerusi Dewan Undangan Negeri Sabah. Apa yang berlaku pada masa itu telah menjadi titik hitam dalam sejarah politik Sabah dan patut menjadi peringatan untuk semua.

5. Sekali lagi selama jangka waktu kita sebagai kerajaan, kita telah berusaha sebaik mungkin untuk memajukan negeri dan memperjuangkan kepentingan dan nasib rakyat di negeri Sabah. Kelantangan para pemimpin kita khususnya Presiden Parti dalam menyuarakan kepentingan rakyat dan negeri menyinggung perasaan pihak-pihak tertentu. Lantaran itu, kita telah menghadapi pelbagai tekanan dan rintangan dalam usaha kita membawa kemajuan dan pembangunan kepada rakyat di negeri Sabah.

6. Dalam usia parti yang masih muda ketika itu, kita kurang pengalaman dalam menghadapi tekanan dan cabaran. Justeru itu dalam pilihanraya tahun 1990, walaupun kita berjaya membentuk kerajaan negeri, tetapi kita adalah pembangkang di peringkat persekutuan kerana kita menarik diri dan keluar daripada pakatan Barisan Nasional. Pada

tahun 1994, kita sekali lagi memenangi pilihanraya negeri namun kerajaan tersebut tidak bertahan lama kerana kebanyakan pemimpin parti telah lari meninggalkan Presiden dan Parti Bersatu Sabah.

Tuan-tuan dan puan-puan,

7. Kalau kita masih ingat, tahun 1994 adalah merupakan tahun yang begitu genting dan kritikal sekali dalam *survival* dan perjuangan parti kita. Banyak kekecewaan dan airmata yang dititiskan. Pada ketika itulah kesetiaan dan ketulusan setiap pemimpin dan ahli parti diuji. Memang agak mengecewakan, namun itulah yang berlaku, kebanyakan pemimpin *senior* parti melarikan diri dan meninggalkan perjuangan dalam PBS, bahkan ada pemimpin yang menggalakkan supaya semua penyokong meninggalkan parti kerana parti diumpamakan sebuah kapal yang akan tenggalam pada bila-bila masa sahaja.

8. Pemimpin-pemimpin senior dalam Parti yang telah mengheret PBS keluar daripada Barisan Nasional pada tahun 1990 juga turut meninggalkan parti. Pemimpin-pemimpin yang tinggal, yang tetap setia pada Presiden dan Parti pada tahun 1994, mereka inilah yang telah bertungkus-lumus, mencurahkan jiwa raga mereka, tenaga, masa, kewangan bahkan segalanya untuk memastikan parti yang kita cintai ini tetap berdiri tegak di bumi Sabah dan Malaysia. Kepada mereka ini saya ucapkan syabas dan tahniah.

9. Selama waktu kita sebagai pembangkang hampir sepuluh tahun, kita amat memahami cabaran dan keperitan perjuangan yang telah kita hadapi. Dalam keadaan itu amat mudah sekali seseorang meninggalkan parti apatah lagi apabila ditawarkan dengan pelbagai macam habuan pangkat dan kemewahan. Saya secara peribadi, telah ditawarkan dengan pelbagai tawaran yang menarik, namun perasaan cinta kepada parti dan perjuangan itu lebih dalam. Bagi saya integriti dalam perjuangan itu lebih penting. Bagi saya parti adalah lebih penting. Selama dalam pembangkang tidak kurang tawaran yang menarik untuk meninggalkan Presiden dan Parti tetapi saya sentiasa menekankan bahawa kalau mahu kembali ke dalam kerajaan biarlah Parti dan Presiden kembali bersama-sama.

Tuan-tuan dan puan-puan,

10. Kita amat bersyukur kerana sekarang PBS telah kembali ke dalam kerajaan. Namun suka saya menyentuh di sini bahawa proses kemasukan kita ke dalam barisan nasional itu panjang dan mencabar. Dalam usaha kita untuk kembali ke pangkuan Barisan Nasional, kita telah menghadapi pelbagai cabaran sama ada di luar mahupun di dalam parti kita sendiri. Para pemimpin Barisan Nasional pusat pada ketika itu sangat berhati-hati apabila membincangkan isu kemasukan ini. Kerana mereka tidak mahu membincangkan isu ini dengan sebarang pemimpin tetapi hanya dengan pemimpin Parti PBS yang terbukti tulus dan boleh dipercayai.

11. Sebagai Timbalan Presiden PBS, Saya boleh menyatakan di sini bahawa selama berbulan-bulan dengan restu Presiden Parti, saya telah menghadiri banyak pertemuan dengan pelbagai pihak berkenaan untuk membawa parti kita kembali ke dalam Barisan Nasional. Suka saya tekankan di sini ia

bukanlah proses yang mudah. Namun sekarang semua itu sudah menjadi sebahagian daripada sejarah parti kita. Pengalaman itu sebenarnya telah mengangkat martabat dan menguatkan lagi parti kita.

12. Sebagai sebuah Parti komponen Barisan Nasional dan berada dalam kerajaan saya percaya kita telah menerima banyak kebaikan dan faedah. Kita amat berbangga kerana ada pemimpin-pemimpin parti kita yang sekarang mewakili kita di dalam kerajaan negeri dan persekutuan. Presiden Parti kita sendiri merupakan Timbalan Ketua Menteri merangkap Menteri Pembangunan Luar Bandar dan Wilayah. Selain itu kita juga diwakili oleh seorang menteri penuh yang lain dan beberapa orang Pembantu Menteri dan Setiusaha Politik. Di peringkat Persekutuan kita amat berbangga kerana kita memiliki seorang Menteri dari kawasan p168 Kota Marudu.

13. Bagaimanapun Saya ingin mengingatkan bahawa walaupun kita sekarang berada dalam kerajaan, janganlah pula kita lalai dan melupakan matlamat dan perjuangan parti. Janganlah kita membiarkan kesesalan membuat kita bermalasan tetapi marilah kita mengambil kesempatan dan peluang yang ada untuk bekerja lebih kuat bukan hanya untuk kebaikan diri sendiri tetapi berbakti kepada parti, negeri dan negara kita. Juga masih banyak tugas yang perlu dilakukan. Kita juga sedar bahawa banyak lagi pemimpin kita yang masih berharap agar diberikan peluang bertugas dalam jentera pentadbiran politik kerajaan khususnya di peringkat daerah dan kampung.

Tuan-tuan dan puan-puan

14. Berada di dalam kerajaan bukan bermakna tiada lagi cabaran. cabaran tetap ada cuma ia mungkin berbeza daripada cabaran-cabaran yang kita hadapi dahulu sebagai pembangkang. Cabaran-cabaran dalaman parti misalnya untuk menyatupadukan para pemimpin dan ahli-ahli parti agar sama-sama menjunjung dasar-dasar perjuangan yang telah digariskan oleh pucuk pimpinan tertinggi parti.

15. Cabaran utama ialah untuk memupuk perasaan cinta yang mendalam kepada perjuangan parti. Saya melihat perlunya kita mencapai satu tahap kesedaran dan kematangan di mana kita tidak mudah lagi dilaga-lagakan oleh mana-mana pihak yang berhasrat untuk menghancurkan perpaduan dan kesinambungan perjuangan parti kita. Kita harus mencapai satu tahap di mana kepentingan parti lebih kita utamakan daripada kepentingan peribadi. Marilah kita bersama-sama berusaha untuk mengukuhkan kewujudan parti kita.

Tuan-tuan dan puan-puan,

16. Selain cabaran dalaman parti, kita juga menghadapi cabaran-cabaran lain misalnya cabaran dalam membangunkan negeri dan bangsa kita supaya sama-sama bergerak dalam arus pembangunan perdana negara. Cabaran budaya politik yang tidak sihat dalam Barisan Nasional dan cabaran dalam era glocalisasi sekarang ini. Semua cabaran-cabaran ini perlu kita hadapi dengan bijaksana supaya kesinambungan perjuangan parti kita seperti yang ditekankan tadi terpelihara. walau bagaimanapun kita tidak perlu bimbang

dengan cabaran-cabaran luaran ini kerana kita yakin akan dapat menanganinya sekiranya para pemimpin dan semua ahli dan penyokong parti bersatu padu dan bekerjasama.

PERANCANGAN DAN KEMAJUAN

Tuan-tuan dan puan-puan,

17. Pembangunan dan kemajuan tidak akan dapat kita nikmati sekiranya kita gagal merancang dan mengenal pasti kekuatan, kelemahan, peluang dan ancaman yang kita hadapi. Saya selalu menekankan kepentingan membuat analisis *SWOT* sebelum kita mula melaksanakan apa-apa program sama ada untuk parti mahupun untuk rakyat. Di peringkat bahagian n 5 tandek dan pejabat parlimen p 168 kota marudu kita telah banyak kali mengadakan seminar-seminar, kajian dan perbincangan untuk mewujudkan satu pelan tindakan induk yang boleh dijadikan panduan dan digunapakai untuk membawa perubahan kepada lanskap ekonomi dan sosial di kawasan Kota Marudu.

18. Di peringkat kawasan Parlimen Kota Marudu penekanan kita termasuklah meningkatkan ekonomi daerah, meningkatkan pencapaian akademik, meningkatkan pengeluaran pertanian, meningkatkan pembangunan fizikal, meningkatkan pembangunan infrastruktur dan kemudahan asas serta membina pusat-pusat sukan. Dengan adanya sasaran yang jelas maka lebih mudah bagi kita untuk menyalurkan peruntukan dan bantuan bagi meningkatkan taraf sosio-ekonomi rakyat khususnya di kawasan Kota Marudu ini.

19. Memanglah untuk membuat satu-satu perubahan itu mengambil masa tetapi yang penting kita telah mulakan dan kita berada pada landasan yang tepat. Salah satu daripada penekanan yang kita berikan keutamaan yang besar ialah mengenai pembelajaran sepanjang hayat (Life Long Learning). Sasaran kita ialah agar setiap kampung mempunyai sekurang-kurangnya seorang graduan atau minimum dengan sijil daripada vokasional atau institusi kemahiran yang lain. Agak perlahan tetapi kita dapat melihat usaha kita sudah mula membuahkan hasil.

Tuan-tuan dan puan-puan,

20. Pelan perancangan sudah ada, sasaran sudah ditentukan, peruntukan kewangan turut disediakan. Apa yang perlu sekarang adalah kerjasama semua pihak sama ada anggota parti mahupun kakitangan kerajaan untuk bersama-sama merealisasikan hasrat kita untuk mengangkat kawasan Kota Marudu daripada belunggu kemiskinan tegar. Selain itu, kita juga perlu bersatu padu agar faedah dan kebaikan yang kita nikmati sekarang dapat diteruskan.

CABARAN MASA DEPAN DAN RANCANGAN MALAYSIA KE-9

Tuan-tuan dan puan-puan

21. Rancangan malaysia ke-9 telahpun dilancarkan oleh perdana menteri kita pada bulan lepas. Rancangan ini meliputi jangka waktu lima tahun akan datang bermula daripada tahun ini hinggalah tahun 2010. Kita amat mengalukan fokus pembangunan yang dibuat oleh Kerajaan Persekutuan di bawah RMK9. Antara lainnya ialah pembangunan

luar bandar, pembasmian kemiskinan, bantuan pertanian, pembinaan rumah kos rendah, meningkatkan liputan bekalan air dan elektrik luar bandar, meningkatkan infrastruktur jalanraya dan meningkatkan perusahaan bumiputera.

22. Negeri Sabah khususnya telah menerima peruntukan ketiga terbesar dalam RMK-9 selepas Selangor dan wilayah Persekutuan iaitu sebanyak 15.65 billion. Kita sememangnya mempunyai harapan yang tinggi agar peruntukan ini dapat membantu negeri Sabah untuk meningkatkan pertumbuhan ekonominya ke tahap yang lebih tinggi dan mapan.

23. Jika rakyat di negeri Sabah dan juga para penyokong kerajaan Barisan Nasional di Kawasan P168 Kota Marudu khususnya ingin mendapat manfaat daripada peruntukan yang besar ini maka pihak kerajaan negeri khususnya perlulah meneliti dengan lebih baik beberapa isu dan cabaran yang mungkin timbul dalam proses pelaksanaan RMK9 ini.

24. Selain pihak kerajaan kita semua perlu juga memainkan peranan untuk mencapai matlamat yang telah digariskan di dalam rancangan Malaysia ke-9. Kita tidak akan menikmati apa-apa sekiranya kita leka dan tidak berusaha. Bagi ahli-ahli PBS saya menyeru agar kita bersikap lebih proaktif dan berdikari. Kita harus bijak mengenalpasti peluang-peluang untuk memajukan diri. Kerajaan telah menyediakan peluang jadi terpulanglah kepada kita untuk memanfaatkannya.

25. Sekiranya kita tidak ingin ketinggalan kita perlu berubah daripada segi minda iaitu cara kita berfikir agar lebih berpandangan jauh dan berwawasan. Kita perlu meninggalkan sikap yang ala kadar sahaja dalam segala hal. Sikap yang ingin maju, berdaya saing perlulah kita pupuk.

Budaya dan amalan hidup yang negatif seperti malas, tidak tahan cabaran, mudah berputus asa, lebih suka melepak di sana-sini daripada bekerja keras haruslah kita tinggalkan.

26. walaupun kerajaan menyediakan banyak peluang di dalam Rancangan Malaysia ke-9 ini, ia tidak akan mendatangkan apa-apa faedah kepada kita sekiranya kita hanya tunggu dan lihat sahaja. Sekiranya kita ingin memperbaiki diri dan keluar dari belenggu kemiskinan tegar, maka kita perlulah berusaha.

Tuan-tuan dan puan-puan,

Akhir sekali saya berharap Mesyuarat Agung tahunan kali ini akan dapat mengukuhkan lagi perpaduan dan kesatuan di kalangan kita. Selamat bersidang dan salam perpaduan.

BERSATU ! BERSATU ! BERSATU !